



SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN PAPAN IKLAN

1. KESELAMATAN

- 1.1 Mengadakan peti rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
- 1.2 Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan diperbaharui bila perlu.
- 1.3 Pencahayaan dan pengudaraan hendaklah mencukupi di dalam premis.
- 1.4 Stor dan tangga serta pintu kecemasan hendaklah diselenggara dengan baik.
- 1.5 Dilarang membuat sebarang kerja atau meletakkan barang-barang di atas kawasan awam seperti di kaki lima, tempat letak kereta, lorong, jalan, siarkaki, longkang dan pintu keluar/masuk kecuali dengan kebenaran Majlis.

2. KEBERSIHAN

- 2.1 Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air, elektrik dan pembetungan yang sempurna, berkeadaan baik dan selamat.
- 2.2 Mempamerkan papan tanda "Dilarang Merokok" dan "Menjaga Kebersihan".
- 2.3 Seluruh premis di kawasan dalam dan luar hendaklah sentiasa bersih, berkeadaan baik, bebas daripada serangga dan rodensia atau haiwan pemeliharaan dan kacau ganggu.
- 2.4 Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa baik dan bersih.
- 2.5 Saliran air kumbahan hendaklah disalirkan ke sistem pembentungan yang dibenarkan MDKL.

3. PEMBUANGAN SAMPAH

- 3.1 Premis hendaklah mempunyai tong sampah (mengikut standard MDKL) bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik. (MGB 120/240 L)
- 3.2 Pengunaan karung plastik untuk mengumpul sampah adalah diwajibkan.

4. LAIN-LAIN

- 4.1 Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran Majlis.
- 4.2 Dilarang membina sebarang tambahan atau sebarang struktur sambungan bangunan di luar premis sama ada secara kekal atau sementara kecuali telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu.
- 4.3 Mengibarkan bendera pada hari-hari Kebesaran Negeri dan Kebangsaan, bendera Negeri Selangor dan bendera Malaysia.
- 4.4 Pemegang lesen digalakkan mempamerkan gambar-gambar Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung dan DYMM Sultan Selangor.

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran
Majlis Daerah Kuala Langat